

Headline	Potensi pelancongan kelip-kelip		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	27
ArticleSize	271 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,215		



AMINUDDIN HARUN (tiga dari kanan) mendengar penerangan **Aziz Salim** (empat dari kanan) mengenai Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Sungai Timun Rembau, Negeri Sembilan, baru-baru ini. Turut kelihatan, **Mohd. Aminuddin Mohd. Amin** (dua dari kiri). -UTUSAN/ASWAD YAHYA.

Potensi pelancongan kelip-kelip

REMBAU 16 Julai - Pelancongan kelip-kelip di sepanjang Sungai Linggi dekat Kampung Sungai Timun di sini perlu dipromosikan lebih hebat bagi menarik kedatangan pelancong.

Menteri Besar, Aminuddin Harun berkata, kehadiran kelip-kelip di sungai berkenaan sudah diketahui sejak puluhan tahun lalu tetapi semakin mendapat perhatian beberapa tahun kebelakangan ini.

Katanya, ia boleh menjadi aktiviti tambahan pada malam hari kepada pelancong yang datang ke Port Dickson.

“Tetapi kita memerlukan lebih banyak promosi dilakukan bagi menjadikan kelip-kelip sebagai satu tarikan utama di sini,” katanya dalam ucapan semasa Majlis Mesra Aidilfitri anjuran syarikat utiliti kebangsaan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) di pekarangan jeti nelayan Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Sungai Timun di sini.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dr. Razali Ab. Malik Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Ir. Mohd. Aminuddin Mohd. Amin

dan Pengurus Besar TNB negeri, Wan Ishak Soed.

Lebih 100 penduduk kampung tersebut diraikan pada majlis tersebut. Sementara itu, Mohd. Aminuddin berkata, majlis itu diadakan sempena penglibatan TNB sejak tahun lalu dalam projek memulihara serangga berkenaan sebagai anugerah alam yang unik di situ.

Katanya, projek itu adalah salah satu inisiatif di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat utiliti itu di seluruh negara di bawah kategori pemuliharaan alam sekitar.